

# HUBUNGAN MAQASID SYARIAH DAN SIASAH SYAR'IYYAH DALAM URUS TADBIR NEGARA

Mohd Hapiz Mahaiyadin<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies,  
Universiti Teknologi MARA Branch Penang  
mohdhapiz659@ppinang.uitm.edu.my

## ABSTRACT

*This review discusses the maqasid syariah and its relation with siasah syar'iyyah in the context of government administration that emphasizes the welfare of the people. This is due to the integral unity between politics and Islam in maintaining the benefit of Muslims as discussed earlier by fuqaha. This qualitative study would analyze the discourse of classical authentic fiqh books on the mentioned statement. The objective is to identify the correlation between maqasid syariah with the formulation of government policy, particularly in the time of Khulafak al-Rasyidin. In this study, siasah syar'iyyah was presented as an important mechanism in the governance of an Islamic state. The form of its operation was displayed in some examples of cases that involve the use of instruments of ijтиhad such as qiyas, maslahah mursalah, istihsan, sadd al-zarai'k and uruf in the process of making important decisions in line with maqasid syariah. The study also found that the Khulafak al-Rasyidin had also mobilized siasah syar'iyyah in achieving maqasid syariah through government policies that protect many benefits of the people. All government's actions should conform to maqasid syariah which means that all policies, laws, regulations would not be in conflict with the demands of the Quran and Sunnah. Thus, the practice of the past Khulafak al-Rasyidin had left a good political tradition to the leaders of the present government in running the country's governance.*

## ABSTRAK

*Kajian ini membincangkan hubungan maqasid syariah dengan siasah syar'iyyah dalam konteks pentadbiran kerajaan yang menitikberatkan kebaikan rakyat. Hal ini berasaskan wujudnya perpaduan integral antara politik dan Islam dalam menjaga kemaslahatan umat Islam seperti yang dibahas fuqaha terdahulu. Kajian yang bersifat kualitatif ini akan menganalisis wacana mengenai pernyataan tersebut dalam penulisan fiqh silam. Objektifnya adalah untuk mengenal pasti hubungan antara maqasid syariah dengan penggubalan dasar kerajaan, terutamanya pada masa Khulafak al-Rasyidin. Dalam kajian ini, siasah syar'iyyah telah dikemukakan sebagai mekanisme penting dalam tadbir urus negara Islam. Bentuk operasinya ditunjukkan dalam beberapa contoh kes yang melibatkan penggunaan instrumen ijтиhad seperti qiyas, maslahah mursalah,*

*istihsan, sadd al-zarai'k dan uruf dalam proses pembuatan keputusan penting selaras dengan maqasid syariah. Kajian itu juga mendapati bahawa Khulafak al-Rasyidin juga telah menggerakkan siasah syar'iyyah dalam mencapai maqasid syariah melalui dasar-dasar kerajaan yang melindungi pelbagai kepentingan rakyat. Setiap tindakan kerajaan perlu menepati syariah maqasid dalam erti kata bahawa semua dasar, undang-undang, peraturan kerajaan tidak akan bertentangan dengan tuntutan Quran dan Sunnah. Oleh itu, amalan Khulafak al-Rasyidin terdahulu telah meninggalkan suatu tradisi politik yang baik kepada pemimpin kerajaan masa kini dalam menjalankan tadbir urus negara.*

**Keywords:** *maqasid, siasah, maslahah, kerajaan, dan peraturan.*

## PENDAHULUAN

Kesejahteraan hidup umat Islam sentiasa terjaga dengan kebijaksanaan *siasah syar'iyyah* khulafak al-rasyidin dan para pemimpin Islam yang berintegriti. Dalam kitab-kitab fekah, usul fekah dan kaedah fekah silam, direkodkan mengenai ijтиhad *siasah syar'iyyah* mereka dalam hal ehwal pentadbiran, sosial, ekonomi, pendidikan dan keselamatan selain memperlihatkan kreativiti mereka menyelesaikan isu-isu kenegaraan yang tidak pernah berlaku pada zaman Rasulullah SAW. Terdapat banyak keputusan penting yang telah dibuat berdasarkan *siasah syar'iyyah* bagi memastikan polisi dan dasar kerajaan menepati *maqasid* syariah dalam menjamin kesejahteraan agama, nyawa, keturunan, akal dan harta. Amalan ini mewariskan kepada umat Islam sebuah sunnah urus tadbir negara gaya khulafak al-rasyidin. Ia amat perlu diteliti oleh para pemimpin Islam khususnya di Malaysia sebagai satu strategi untuk memantapkan tanggungjawab kerajaan dalam menjaga kebijakan rakyat.

## PENGERTIAN MAQASID SYARIAH

*Maqasid* berasal daripada kalimah *qasada* yang menjadi kata jamak kepada *maqsid*. *Qasd* bermaksud mendapatkan sesuatu. Ia juga mempunyai beberapa pengertian seperti jalan yang lurus, sandaran atau tujuan (Al-Fayruzabadi, 1995 ; al-Razi, t.t). Syariah berasal daripada perkataan perkataan *syara'a* yang merujuk kepada beberapa perkataan yang mempunyai makna yang hampir sama seperti *al-tariq al-mustaqim, al-sunnah, al-manhaj, al-'adah, al-din, al-millah* dan *musyarri'at al-ma'* (Badran, t.t). Kedua-dua perkataan *maqāsid* dan syarak pada dasarnya mempunyai kaitan rapat dari segi fungsi sebagai panduan dan jalan menuju kepada sesuatu matlamat. Manusia tidak dapat mencapai sesuatu kebenaran melainkan jalan yang dilaluinya adalah terang, lurus dan tidak bengkang-bekok seperti karakter syariat Islam.

Perbincangan *maqasid* dibahaskan oleh sebahagian usuliyyun seperti al-Juwayni (1978 ; 1979), al-Ghazali (1993), Ibn Abd al-Salam (1990), al-Qarafi (1998), al-Syatibi (t.t) dan al-Zarkasyi (1994). Pentakrifan *maqasid* sering bertindih dengan pengertian *maslahah*.

Al-Ghazali (1993) mentakrifkan *maslahah* sebagai sesuatu yang membawa kemanfaatan atau menolak keburukan dan *maslahah* yang dimaksudkannya merujuk perkara yang mengandungi pemeliharaan terhadap *maqasid* syarak iaitu menjaga kelestarian *daruriyyat al-khams* (lima

perkara asasi) yang terdiri daripada agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Manakala al-Syatibi (t.t) sendiri membahagikan *maqasid* syarak mengikut peringkat-peringkat *maslahah* iaitu *daruriyyah*<sup>i</sup>, *hajiyah*<sup>ii</sup> dan *tahsiniyyah*<sup>iii</sup> sehingga kelihatan kedua-duanya saling bertindih. Hal ini seolah-olah menjadikan *maqasid* sinonim kepada *maslahah*. Justeru itu, Jaser Auda (2014) merumuskan bahawa *maqasid* merupakan ungkapan alternatif kepada kepentingan (*maslahah*) manusia.

Namun, beberapa orang sarjana Islam kontemporari cuba memberikan definisi yang lebih objektif yang dapat membezakannya daripada *maslahah*. Ibn Asyur (1999) telah menjelaskan bahawa *maqasid* syarak merupakan pelbagai pengertian dan hikmah yang terkandung dalam hampir keseluruhan hukum syariah. Ia turut mencakupi ciri-ciri, tujuan utama dan nilai-nilai penting syariah serta pelbagai hikmah (*maslahah*) yang sering diberikan perhatian oleh syarak.

Yusuf al-Alim (1993) menyatakan, *maqasid* ialah segala *maslahah* yang diberikan perhatian oleh syarak, yang mana mengandungi kebaikan kepada manusia di dunia dan di akhirat. *Maslahah* tersebut boleh dicapai sama ada dengan cara mendatangkan kebaikan (*jalb al-masalih*) ataupun menolak keburukan (*darr al-mafasid*). Menurut al-Raysuni (1992), *maqasid* ditakrifkan sebagai beberapa matlamat yang ditetapkan syariah untuk dicapai demi kemaslahatan manusia. Seterusnya al-Sallabi (2002) merumuskannya sebagai tujuan-tujuan yang ditetapkan syarak untuk merealisasikan pelbagai kebaikan dan juga menolak keburukan ke tahap yang paling minima. Kesemua tujuan tersebut mengandungi satu halatuju iaitu pengukuhan ibadat kepada Allah dan kemaslahatan manusia di dunia dan di akhirat.

Daripada pelbagai definisi di atas, hubungan erat antara *maqasid* dengan *maslahah* boleh diumpamakan seperti hubungan antara sebab musabbab. *Maqasid* ialah matlamat atau objektif utama syariat Islam yang dirumuskan ke dalam lima perkara asasi iaitu agama, nyawa, keturunan, akal dan harta yang dikenali sebagai *daruriyyat al-khams*. Kelima-lima perkara ini merupakan asas-asas penting kebahagian hidup manusia di dunia dan di akhirat. Adapun *maslahah* pula merupakan pelbagai kebaikan yang terdapat dalam setiap hukum syarak bagi merealisasikan kelestarian setiap komponen *daruriyyat al-khams*.

### **Pemeliharaan *Maqasid* Syariah Merealisasikan *Maslahah* Kepada Manusia**

Pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta manusia merupakan objektif, selain menjadi *maslahah* utama yang ingin dicapai oleh perundangan Islam (Abu Zahrah, t.t ; al-Alim, 1993). Hal ini terbukti berdasarkan analisis ulama seperti al-Syatibi yang merumuskan keseluruhan komponen hukum syariat sememangnya menjurus ke arah pencapaian objektif tersebut sekalipun metod dan kaedah pelaksanaannya berbeza (Al-Qaradhawi, 1990 ; Uqlah, 1991). Satu-satunya tujuan akhir syariah ialah merealisasikan kebahagiaan duniawi dan ukhrawi bagi sesiapa yang mengikuti petunjuknya dan melaksanakan semua perintah dan larangannya (Al-Alim, 1993).

Setiap perbuatan dan tindakan yang boleh menjamin kelestarian lima elemen *maqasid* di atas dianggap sebagai *maslahah*, manakala tindakan yang boleh menjelaskannya dikatakan *mafsadah* (Al-Ghazali, 1993). Oleh sebab itu, *daruriyyat al-khams* diletakkan sebagai intipati keperluan utama (*necessity*) dalam kehidupan manusia. Hal yang sama turut berlaku dalam

semua ajaran dan agama di atas muka bumi ini (Al-Alim, 1993). Pemeliharaan *daruriyyat al-khams* berlaku menerusi dua pendekatan berikut (Al-Syatibi, t.t) :

- i- Mengukuhkan kewujudannya dengan disyariatkan hukum-hakam seperti ibadat, muamalat, perkahwinan dan sebagainya.
- ii- Melindungi kelestariannya dengan tindakan berbentuk hukuman tertentu ke atas setiap kesalahan yang dilakukan seperti hudud, qisas dan diyat.

Secara dasarnya, pemeliharaan *daruriyyat al-khams* telah dibuktikan melalui pengutusan para rasul yang membawa mesej rahmat (selain *maslahah*) kepada seluruh alam<sup>iv</sup> dan juga berdasarkan penelitian langsung terhadap hukum-hukum furuk seperti solat, puasa, zakat, haji, hudud, qisas, larangan arak, zina, judi, dan sebagainya yang mengandungi *maslahah* untuk manusia (Al-Syatibi, t.t).

### **Tahap-tahap Pemeliharaan Maqasid**

Pemeliharaan *maqasid* jika ditinjau daripada tahap kepentingannya untuk memastikan kestabilan kehidupan terbahagi kepada *daruriyyah*, *hajiyah* dan *tahsiniyyah*. Ketiga-tiga tahap tersebut didokong oleh setiap hukum-hakam yang memenuhi pelbagai *maslahah* manusia. Menurut sebahagian usuliyyun seperti al-Juwayni, al-Ghazali, al-Zarkasyi dan al-Syatibi, tahap-tahap tersebut turut digunakan sebagai salah satu kategori *maslahah*.

*Pertama: Tahap Daruriyyat.*

Tahap *daruriyyah* ataupun juga *maslahah* hukum hakam kategori ini merupakan perkara asas yang menjadi teras pembangunan semua kepentingan agama dan dunia. Sekiranya tiada, hal ini akan menyebabkan pentadbiran hal ehwal keduniaan tidak dapat diurus dengan betul dan akhirnya kehidupan akan musnah. Sementara di akhirat kelak, manusia akan mendapat seksaan dan hilang kenikmatan di samping menanggung kerugian besar (Al-Syatibi, t.t). *Maslahah* ini merupakan kategori utama yang menjadi *maqasid* syarak dalam pelbagai hukum asas ibadat, muamalat, perkahwinan dan sebagainya. *Maslahah* agama dijaga dengan asas-asas akidah dan perkara fundamental hukum seperti sembahyang fardu dan jihad *fi sabil lillah*. Nyawa dijaga dengan pensyariatan hukuman qisas dan penggunaan sumber halal. Sementara akal pula terpelihara dengan pengharaman arak dan hukuman had minum arak. Seterusnya penjagaan *maslahah* keturunan ialah melalui hubungan nikah yang sah dan larangan berzina. Akhir sekali, *maslahah* harta dijaga dengan larangan mencuri dan hukuman had potong tangan.

*Kedua : Tahap Hajiyah*

Tahap *hajiyah* merupakan perkara-perkara yang diperlukan oleh manusia untuk keselesaan hidup dan menolak kesempitan yang kebiasaannya membawa kepada keadaan sukar apabila kepentingan kategori hukum tahap ini diabaikan (Al-Syatibi, t.t). *Maslahah* tahap *hajiyah* berkaitan rapat dengan keperluan umum yang tidak sampai ke tahap *daruriyyah* seperti kontrak sewa, pinjaman dan hutang. Keharusan kontrak tersebut memberikan kemudahan untuk mendiami tempat tinggal jika seseorang itu tidak mampu untuk membelinya. Keadaan sama turut berlaku dalam perkara ibadat dan muamalat dalam memelihara *daruriyyat al-khams*. Para ulama menyatakan tanpa kepentingan *hajiyah*, hidup manusia akan sentiasa

dalam kesempitan yang berpanjangan jika hanya bergantung kepada kepentingan *daruriyyat* sahaja.

### Ketiga : Tahap Tahsiniyyat

Tahap tahsiniyyat pula merujuk kepada penggunaan segala kebaikan yang berkaitan dengan *maha sin al-'adah* (tatasusila yang baik) dan menjauhi perkara-perkara keji yang ditolak oleh akal yang waras (Al-Syatibi, t.t). Kebanyakan pemeliharaan *maqasid* tahap *tahsiniyyat* direalisasikan dalam hukum-hakam berkaitan dengan tatasusila dan kesopanan tingkah laku manusia seperti menutup aurat, menjaga kebersihan dan menjauhi segala kotoran. Hukum menjaga aurat berada pada posisi *tahsiniyyat* iaitu pelengkap kepada kewajipan solat. Seseorang yang tidak mempunyai pakaian, wajib mengerjakan solat walaupun auratnya terbuka kerana kepentingan solat merupakan *daruriyyat* dalam penjagaan *maslahah* agama berbanding dengan aurat yang hanya memperkenan kehalusan budi pekerti manusia bertamadun.

Sekalipun semuanya penting, kedudukan ketiga-tiga tahap *maqasid* dalam urutan seperti di atas mempunyai kesan signifikan dari aspek pengutamaan *maslahah* lebih utama dalam sesuatu hukum Islam ketika berlaku pertembungan.<sup>v</sup> *Maslahah daruriyyat* diutamakan daripada *hajiyah* dan kemudiannya *tahsiniyyat*. Begitu juga dalam kategori *daruriyyat*, *maslahah* agama perlu diutamakan daripada nyawa, akal, keturunan dan harta, dan begitulah seterusnya mengikut urutan kepentingan setiap tahap dan komponen hukum di dalamnya.

Hubungan antara *maqasid* syariah dengan *siyāsah syar'iyyah* pula dapat dilihat bahawa kepentingan rakyat merupakan keutamaan dalam pelbagai dasar, polisi, pendekatan dan tindakan kerajaan. Apabila pihak kerajaan ingin mengemukakan dasar-dasar baru ataupun tindakan semasa yang melibatkan kepentingan rakyat, maka mereka mestilah berusaha keras mendekatkannya dengan *maqasid* syariah ataupun dapat memenuhi tuntutan salah satu elemen *maqasid* tersebut dengan cara pemakaian kaedah-kaedah *siasah* seperti *maslahah mursalah*, *istihsan*, *sadd al-zara'ik* dan sebagainya. Hanya dengan cara ini sahaja segala *maslahah* umum rakyat adalah terjamin oleh tindakan pemimpin mereka.

## PENGERTIAN SIASAH SYAR'IYYAH

Perkataan *siasah* berasal daripada kata akar *sasa yasusu siasah* yang bermaksud mentadbir dan mengendalikan sesuatu (urusan, pekerjaan dan sebagainya) dengan baik (Al-Fayyumi, 1994). Skop penggunaan *siasah* dalam bahasa 'Arab, begitu meluas sehingga merangkumi pengendalian segala urusan manusia, haiwan dan sebarang kerjaya di setiap peringkat (Ibn Manzur, 1993 ; al-Ayid *et.al*, t.t ; al-Zubaydi, t.t). *Siasah* juga dierangkan sebagai arahan dan larangan serta tugas mendidik yang menjadi sebahagian daripada usaha mentadbir (Al-Tahir, t.t. ; al-Fayruzabadi, 1995). Walaupun *siasah* digunakan dalam pelbagai pengertian namun ia tidak terkeluar daripada satu mesej utama iaitu kegiatan yang menghasilkan kebaikan dengan cara mentadbir, mengurus serta memimpin.

Kalimah *syar'iyyah* adalah kata terbitan (*masdar*) daripada *syara'a*. Ia memperihalkan mengenai sesuatu yang disandarkan (dinisahkan) kepada syarak dan ia diterima sebagai

suatu yang sah. Secara literalnya, kalimah *syar'iyyah* memberi maksud tentang sesuatu yang sah di sisi syarak (Ibrahim *et.al.*, t.t.). Menurut terminologi politik, *syar'iyyah* disebut pula sebagai legaliti. *Legal* bermaksud perbuatan dan lain-lain yang sah di sisi undang-undang (Kamus Dewan, 2013). Konsep legaliti berkait rapat dengan sikap menghormati undang-undang dalam melakukan sesuatu tindakan (Alias Othman, 1993). Dalam bahasa yang ringkas, legaliti ialah sesuatu yang secocok dan tidak menyalahi undang-undang yang digubal. *Siasah* yang disandarkan kepada syariah bolehlah difahami secara literalnya sebagai politik dan pengurusan yang berteraskan nilai-nilai syariat di dalam setiap gerak gerinya.

### ***Wacana Siasah Syar'iyyah Menurut Perspektif Ulama***

Terdapat banyak definisi *siasah syar'iyyah*. Kita boleh mengklasifikasikannya kepada tiga pendekatan utama berdasarkan pelbagai persepsi tentang soal skop, lapangan dan bidang atau *takahssus* pihak yang wajar mengendalikannya.

**Pertama,** *Siasah syar'iyyah* sebagai metod ijтиhad di dalam bidang kehakiman dan undang-undang jenayah.

*Siasah syar'iyyah* di sini bukanlah merujuk kepada satu kelompok hukum tertentu sebaliknya merupakan sebuah metod dalam penentuan hukum di bidang kehakiman dan hukuman bagi kes-kes jenayah atau apa yang disebut oleh Bahnasi (1983) dan al-Hasari (1998) sebagai *al-siyāsah al-jaza'iyyah*. Ini dapat diteliti dalam beberapa definisi berikut :

- i. Ibn Abidin (1979): “Tindakan yang dilakukan pemerintah/*maslahah* tertentu sekalipun ia tidak diperuntukkan oleh dalil khusus secara langsung”,
- ii. “Tindakan memberatkan kesalahan jenayah yang hukumannya telah diperuntukkan oleh syarak untuk membasmi gejala kerosakan” (Ibn Abidin, 1979).
- iii. Ibn Abidin (1979) mensinonimkan *ta'zir* sebagai *siyāsah* kerana kedua-duanya sering digunakan dalam kondisi hukum yang serupa,
- iv. Al-Hamawi dan 'Ala al-din al-Tarabulsi mendefinisikannya hukuman (*syar'*) yang digandakan (Ibn Abidin, 1979).

Antara fuqaha silam yang menggunakan pendekatan ini ialah Ibn al-Qayyim (1989) dan Ibn Farhun (1995) yang menghuraikan *siasah syar'iyyah* dalam bentuk sebuah metod ijтиhad walaupun tidak dinyatakan secara jelas. Dalam hal ini, Bahnasi (1983) menegaskan, *siasah syar'iyyah* merupakan suatu “kelonggaran bagi para pemerintah” melakukan apa sahaja yang boleh membawa kebaikan selagi ianya tidak bertentangan dengan prinsip agama walaupun tidak ada dalil-dalil khusus yang membolehkan ianya dilakukan.

Menurut pendekatan ini, *siasah syar'iyyah* dijelaskan melalui asas-asas berikut :

- i. Sebagai sebuah metod ijтиhad di bawah kuasa kerajaan dan autoriti itu dipegang oleh *khalifah* atau para *qadi* di dalam isu-isu yang berhubung dengan undang-undang jenayah dan kehakiman Islam seperti qisas, hudud dan *ta'zir* sahaja.

- ii. Merupakan mandat yang diberikan kepada para hakim untuk bertindak melalui ijтиhad untuk menyelesaikan kes-kes jenayah yang tidak mempunyai bukti yang jelas bagi menjaga keselamatan nyawa dan harta masyarakat daripada ancaman penjenayah.
- iii. Ia juga merupakan satu kelonggaran kepada hakim/pemerintah menjatuhkan hukuman yang dapat menjamin hak-hak manusia, membanteras kezaliman, menghalang kegiatan subvertif dan mencapai *maqasid* syariah.
- iv. Kaedah pengawalan masyarakat melalui beberapa peraturan, hukuman dan undang-undang yang diputuskan berdasarkan ijтиhad pemerintah walaupun ia tidak dijelaskan oleh syarak secara langsung. Melalui pengawalan tersebut, objektif sosial *siasah syar'iyyah* untuk mencegah dan mendidik masyarakat (*al-zajr wa al-ta'dib*) tercapai menerusi hukuman hudud, qisas dan takzir.

Khallaf (1988) telah membuat kesimpulan bahawa pada pandangan pendekatan ini, *siasah syar'iyyah* sebenarnya menyerupai pendekatan *maslahah mursalah* dalam menentukan hukum sebagaimana yang dihuraikan oleh ulama usūl fiqh.

**Kedua,** *siasah syar'iyyah* sebagai kaedah pentadbiran dan sistem pemerintahan islam yang berpandukan nas (al-Quran dan sunnah) dan ijтиhad.

Pendekatan ini pula mengemukakan *siasah syar'iyyah* sebagai bentuk pemikiran tentang mekanisme politik dan pentadbiran negara Islam secara umum. Iaitu satu istilah yang sama ertiannya dengan *al-Ahkam al-Sultaniyyah* dan *Nizam al-Hukm* yang boleh diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu sebagai sistem pemerintahan (Mahmood Zuhdi, 1994). Ini bermakna segala selok belok pentadbiran negara semuanya berpandukan nas sama ada nas khusus ataupun umum serta ijтиhad menggunakan prinsip-prinsip syariah dalam mengesahkan tindakan yang tidak diterangkan syarak.

Ibn Aqil (dinukilkan oleh Ibn al-Qayyim, 1989 ; t.t) mentakrifkannya sebagai langkah-langkah yang membawa manusia menghampiri kebaikan dan menjauhi kerosakan sekalipun ianya tidak pernah diperkenalkan oleh Rasulullah s.a.w. mahupun diturunkan dengan wahyu.

Ibn Abidin (1979) memberikan pengertian yang cukup luas kepada *siasah syar'iyyah* iaitu : “memperelokkan keadaan masyarakat dengan memimpin mereka ke jalan yang selamat di dunia dan akhirat”.

Jelas di sini bahawa langkah-langkah dan pendekatan yang dibuat oleh pemimpin atau kerajaan bagi menjamin keselamatan masyarakat hendaklah berpandukan kepada nas-nas syarak atau ijтиhad. Kaedah pentadbiran yang berdasarkan kepada dua sumber ini sahaja yang dapat mengislahkan hidup manusia.

**Ketiga,** *siasah syar'iyyah* sebagai mekanisme yang menggunakan kaedah ijтиhad semata-mata sama ada melalui *maqasid* syariah, *maslahah*, *usul 'ammah*, *qawa'id kuliyyah* dan prinsip-prinsip asas syariat Islam yang lain. Maksud ini diterangkan dalam beberapa definisi seperti berikut :

Abd al-Rahman Taj (1995) : “*Segala hukum dan peraturan yang mengatur perjalanan negara dan mentadbir hal ehwal masyarakat agar selari dengan semangat syariah dengan*

berlandaskan kaedah-kaedah umumnya serta mencapai objektif sosialnya sekalipun hukum-hukum tersebut tidak dinaskan dengan dalil-dalil yang terperinci dari al-Quran dan al-Sunnah”.

Khallaef (1998): “Menjalankan pentadbiran awam sebuah negara Islam mengikut landasan yang menjaminkan kepentingan dan mengelak keburukan, di mana pengurusan itu tidak terkeluar daripada batas-batas syariah dan dasar-dasar umumnya walaupun ianya tidak menepati pandangan-pandangan imam mazhab”.

Muhammad Na’im Yasin (Shukeri Mohammad, 1994) : “Pentadbiran hal ehwal rakyat yang dijalankan oleh pemimpin yang beragama Islam secara langsung ataupun melalui wakilnya, di mana berlandaskan objektif umum syariah”.

Abd al-‘Al Ahmad ‘Utwah (t.t) : “Tindakan pemerintah yang berasaskan maslahah di dalam perkara yang tidak ada nas khusus dan perkara-perkara yang selalunya tidak kekal dalam satu keadaan sahaja malah boleh berubah kerana perubahan situasi, keadaan, zaman, tempat dan kepentingan manusia.”

Pandangan ini disokong oleh beberapa sarjana Islam seperti Fathi al-Durayni (1986), Ahmad al-Hasari (1988), dan Fathi Uthman (t.t). Secara keseluruhannya *siasah syar’iyyah* dalam konteks ini bermaksud mekanisme ataupun sistem yang menggunakan ijтиhad berpandukan *maslahah* dalam menjalankan pentadbiran negara. Kegiatan ijтиhad tersebut meliputi penelitian terhadap aspek *maslahah*, *maqasid* syariah, *usul kulliyah* dan sebagainya (Nakhaie, 1987). Menurut perspektif ini lagi, dalam membezakan sesuatu ketetapan yang berdasarkan kepada nas ataupun *maslahah*, *siasah syar’iyyah* lebih dikhuluskan sebagai tindakan yang berlandaskan ijтиhad manakala tindakan yang berpandukan kepada keterangan nas tidak diklasifikasikan sebagai *siasah syar’iyyah*.

Terdapat persamaan modus operandi *siasah syar’iyyah* menurut kedua-dua pendapat terakhir ini kecuali pendapat kedua turut mengkategorikan pelaksanaan hukum syariah yang telah dinaskan secara *qat’i* ke dalam cakupan *siasah syar’iyyah*, bukan terbatas dalam perkara-perkara *mutaghayyirat* yang tiada nas.

Menurut pendapat kedua dan ketiga ini, beberapa pemikiran asas tentang *siasah syar’iyyah* dapat dirumuskan seperti yang berikut :

- i. *Siasah syar’iyyah* dikemukakan sebagai kaedah pemerintahan Islam yang merangkumi segala tindakan kerajaan dalam membentuk dasar, peraturan, dan polisi negara. Dengan ini ia meliputi seluruh institusi kerajaan seperti kementerian, agensi-agensi kerajaan, jabatan dan jentera kerajaan. Ini bermakna *siasah syar’iyyah* juga digunakan dalam urusan perundangan, kehakiman, eksekutif, pendidikan, kewangan, perdagangan, sosial, politik dalam atau luar negeri dan sebagainya yang menyangkut pentadbiran negara.
- ii. Dari segi perlaksanaannya, *siasah syar’iyyah* mempunyai dua lapangan utama. Pertama, hal-hal yang tidak mempunyai peruntukan khusus dari syarak yang memerlukan ijтиhad terbaru. Kedua, segala hukum-hukum yang sememangnya telah

diperuntukkan sendiri oleh syarak. Dalam konteks hukum kedua ini, pelaksanaan *siasah syar'iyyah* ialah berbentuk ijтиhad *fi al-tatbiq* iaitu menggunakan pendekatan yang sesuai bagi memastikan pelaksanaannya memenuhi semangat asalnya iaitu memelihara kemaslahatan manusia.

- iii. *Maslahah 'ammah* (kepentingan awam) rakyat adalah fokus utama pemakaian *siasah syar'iyyah*. Asas mempertahankan kepentingan umum ini dititipkan ke dalam setiap dasar dan langkah yang diambil oleh kerajaan. Oleh kerana *maslahah* sesuatu yang global dan dinamis, menurut pendekatan ini *maslahah* bukan sahaja timbul dari keadilan undang-undang malah ia juga kedapatan di dalam aspek-aspek yang lebih penting seperti ekonomi, pendidikan, sosial dan lain-lain berbanding dengan soal qisas, hudud dan takzir semata-mata. Untuk itu, kerajaan berperanan sepenuhnya memenuhi segala kepentingan rakyat dengan sempurna.

### RUMUSAN PENTING SIASAH SYAR'IYYAH

Kajian ini memilih *siasah syar'iyyah* sebagai kaedah pentadbiran dalam kerajaan samada berhubung dengan pembuatan keputusan, prosedur, dasar dan polisi kerajaan atau ijтиhad melaksanakan hukum nas serta menetapkan hukum baru. Pengertian ini secara tidak langsung turut merangkumi ketiga-tiga pendekatan ulama berdasarkan beberapa alasan seperti berikut (Mohd Hapiz, 2001) :

- i. Tugas melaksanakan hukum syariah adalah tanggungjawab *khalifah*<sup>vii</sup>. Namun dalam konteks pentadbiran kerajaan, bidang kuasa *khalifah* terlalu besar sehingga menyukarkannya bertindak sendiri dalam setiap perkara. Faktor ini mendesak berlakunya proses penurunan kuasa kepada wakil-wakil *khalifah* di bidang kehakiman, perundangan, kewangan dan sebagainya. Sekiranya para hakim mempunyai mandat mengamalkan *siasah syar'iyyah* sedangkan mereka hanyalah wakil *khalifah* sudah tentu *khalifah* sendiri lebih berautori untuk menggunakan *siasah syar'iyyah* dalam segenap sektor seliaannya.

Ibn Khaldun (1993) membahasakan istilah *siasah kubra* kepada tugas-tugas *khalifah* seperti jihad, pembukaan kota-kota baru (*futuhat*), kawal sempadan, awasi kubu-kubu pertahanan. Maknanya wakil-wakil *khalifah* seperti hakim dan menteri-menteri lain hanya menjalankan *siasah sugra*.

- ii. Subjek “*maslahah ‘ammah*” amat ditekankan oleh semua ulama. Sememangnya bidang perundangan dan kehakiman lebih terkehadapan dalam memenuhi *maslahah* rakyat namun kesempurnaannya akan menjadi lebih mantap jika turut dicapai dalam bidang-bidang lain yang berada di bawah liputan operatif *siasah syar'iyyah* yang luas.

Sebagaimana dijelaskan oleh Khallaf (1988), jika *siasah syar'iyyah* dilihat sebagai sebuah metod hukum yang menggunakan *Maslahah Mursalah*, maka kaedah yang sama juga digunakan oleh para pemimpin dalam mentadbir negara. Ujar beliau “*Tidak ada halangan untuk dimaksudkan siasah syar'iyyah dengan suatu makna yang lebih luas dan mencakupi kedua-dua makna tersebut serta dapat mencakupi juga sekalian topik-topik perbincangannya. Berdasarkan makna yang luas ini, siasah syar'iyyah*

*merupakan ilmu yang membincangkan tentang sistem dan undang-undang pentadbiran negara Islam bertepatan dengan dasar Islam”*

- iii. Doktrin *siasah syar'iyyah* lahir daripada kefahaman yang mendalam dan menyeluruh terhadap idealisme syar'iah dan realiti hidup. Pemakaianya dapat ditinjau daripada sejauh mana segala tindak tanduk kerajaan menepati *maqasid* syariah. Kefahaman tersebut merupakan manhaj *siasah* para pemimpin Islam dengan merujuk terlebih dahulu nas-nas syarak kemudiannya berijtihad berlandaskan kaedah-kaedah seperti maslahah mursalah, sadd al-zaraik, qiyas, istihsan dan sebagainya.
- iv. Pemakaian *siasah syar'iyyah* hanya menjadi ikhtisas kerajaan dan pihak berkuasa sahaja. Selain itu seperti pendapat individu di luar kerajaan yang tidak rasmi dianggap sebagai ijtihad peribadi di bawah hak kebebasan berfikir.

Samada *siasah syar'iyyah* memberikan erti sebuah metod tertentu ataupun suatu sistem pentadbiran, kedua-duanya telah digunakan oleh para ulama di dalam penulisan mereka yang berhubung dengan hal-hal kenegaraan. Contohnya, kitab *al-Siyasah al-Syar'iyyah fi Islah al-Ra'iyy wa al-Ra'iyyah* oleh Ibn al-Taymiyyah dan dua kitab *al-Ahkam al-Sultaniyyah* oleh al-Mawardi dan Abu Ya'la. Masing-masing bercakap mengenai nas-nas al-Quran dan Sunnah yang membicarakan tentang pemerintahan dan juga hasil usaha ijtihad semasa yang berdasarkan realiti umat Islam dan perkembangan politik sewaktu itu.

## **SYARAT-SYARAT APLIKASI SIASAH SYAR'IYYAH**

Pengalaman manusia berpolitik telah mengajar betapa besarnya kehancuran masyarakat jika pemimpin mempunyai kebebasan bertindak tanpa sebarang sekatan. Lantaran itu, para ulama menasihati para pemimpin agar mengendalikan urusan negara dengan berhemah kerana *maslahah* umum rakyat merupakan agenda utama *siasah syar'iyyah* dalam mempertahankan kestabilan pentadbiran, politik, kewangan, perundungan dan sebagainya.

Beberapa syarat tertentu telah digariskan bagi memastikan pemimpin bergerak di atas landasan yang betul sekaligus dapat mengawal mereka daripada melakukan penyelewengan politik seperti bersifat kuku besi, mengeksploitasi dan menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan peribadi yang akhirnya membawa rakyat ke kancang kemusnahan. Terdapat dua syarat asas yang perlu dipatuhi dalam operasi *siasah syar'iyyah* seperti yang berikut (Taj, 1995):

- i. Menepati semangat *maqasid* syariah dan menggunakan kaedah-kaedah umum serta prinsip-prinsip asas syarak yang kukuh,
- ii. tidak menyalahi secara jelas mana-mana nas syarak yang mengisbatkan sebuah peraturan umum kepada manusia secara berkekalan.

Berdasarkan syarat-syarat di atas, syarak tidak memberi kebebasan yang mutlak kepada pihak pemerintah sebaliknya keluasan tersebut diikat oleh syarak supaya syarat-syarat tersebut berfungsi menjaga survival kewibawaan *siasah syar'iyyah* agar tidak tercemar.

Di sini penulis turut menekankan beberapa perkara penting perlu difahami para pemerintah seperti berikut:

Pertama, sumber utama *siasah syar'iyyah* ialah al-Quran dan Sunnah melalui pemakaian kaedah dan prinsip-prinsip asas yang ditekankan oleh kedua-dua sumber tersebut seperti dasar *raf' al-harj*<sup>vii</sup>, amalan syura<sup>viii</sup>, keadilan<sup>ix</sup>, persamaan<sup>x</sup>, merujuk perkara-perkara penting kepada pakar dan seumpamanya (Al-Hasari, 1988). Hal ini membuktikan *siasah syar'iyyah* hanya dijalankan dalam sebuah pemerintahan yang meletakkan al-Quran dan Sunnah sebagai autoriti dalam negara.

Kedua, perlaksanaan *siasah syar'iyyah* tidak semestinya mempunyai peruntukan khusus daripada kedua sumber tersebut secara langsung (Taj, 1995 ; al-Hasari, 1988). Secara logiknya, dengan jumlah ayat yang terhad, Al-Quran tidak mungkin dapat memperjelaskan secara terperinci setiap kegiatan manusia yang sentiasa berkembang. Oleh itu memadai dengan al-Quran hanya menggariskan beberapa prinsip umum yang boleh disesuaikan dengan keadaan setempat pada bila-bila masa sebagai panduan kepada umat Islam. Ruang ini membuka pintu ijihad yang luas dalam soal pengurusan ummat kepada pemimpin dalam menyusun program-program pembangunan yang diredaai Allah.

Ketiga, prinsip-prinsip ini menjadi asas-asas penting dalam aplikasi *siasah syar'iyyah* walaupun tidak ada dalil khusus. Asas-asas tersebut menjadi dalil dan sandaran penting untuk memastikan wujudnya keselarian di antara *siasah syar'iyyah* dengan *maqasid* umum al-Quran dan sunnah.

Hal ini jelas ditunjukkan dalam beberapa tindakan Khulafa al-Rasyidin yang ternyata berlaku pada zaman Rasulullah SAW. Pada zaman Abu Bakar RA, telah berlaku usaha pengumpulan al-Quran ke dalam mashaf dari dibiarkan bertebaran (Taj, 1995). *Maslahah* yang timbul sewaktu itu ialah perlunya kitab suci ini dipelihara untuk generasi Islam akan datang akibat ramai penghafaz al-Quran (*huffaz*) yang terbunuuh dalam peperangan. Manakala khalifah Umar RA pula apabila menyaksikan pembukaan kota-kota baru dengan pertambahan masyarakat Islam yang mendadak di zamannya telah mewujudkan sistem jabatan bagi tujuan penyelarasan gaji-gaji pegawai kerajaan, pembinaan tahanan (penjara), membekukan pengagihan tanah kepada tentera dengan dikenakan *kharaj* (cukai tanah) sebagai langkah menambah kadar kemasukan negara bagi menanggung kos pertahanan kerajaan yang meningkat, membasmikan kemiskinan dan menyelesaikan masalah kependudukan (Taj, 1995).

Keempat, *siasah syar'iyyah* tidak boleh mengetepikan sama sekali hukum-hukum *qat'iy* yang menjadi asas syariah. Adapun dalam nas-nas yang bukan *qat'iy* atau *zanniy al-dalalah*, sekiranya wujud kontradiksi teknikal di antara *siasah syar'iyyah* dengan nas syarak tertentu di mana hukum nas tersebut bukanlah asas hukum yang berkekalan tetapi masih boleh dikaji semula dengan *ijihad*<sup>xi</sup>, maka hukum-hukum seperti ini selalunya tidak menghalang<sup>xii</sup> aplikasi *siasah syar'iyyah* walaupun natijahnya nanti berbeza daripada segi hukum (Taj, 1995).

Khalifah Uthman telah memperkenalkan polisi baru berhubung dengan penjagaan unta-unta yang kehilangan tuan walaupun sebelum itu Rasulullah SAW telah melarang unta-unta tersebut daripada diambil oleh sesiapa (Taj, 1995). Walaupun dalam hal ini terdapat nas

syarak secara langsung tetapi hukum nas tersebut bukanlah menjadi satu peraturan yang bersifat dasar kerana Uthman RA melihat *maslahah* yang terdapat pada larangan Rasulullah SAW sudah tidak wujud pada zamannya. Ini kerana Uthman RA merasakan akhlak dan kesedaran agama pada kebanyakan masyarakat di zamannya sudah tidak menyerupai akhlak masyarakat zaman Baginda SAW.

Oleh kerana *siasah syar'iyyah* terikat dengan syarat-syarat seperti yang dihuraikan maka pihak kerajaan tidak boleh membenarkan segala aktiviti yang sudah jelas pengharamannya seperti sistem kewangan berasaskan riba<sup>xiii</sup>, mengusahakan arak secara komersial, membenarkan permis-permis judi<sup>xiv</sup> dan pusat pelacuran<sup>xv</sup> berleluasa walaupun dengan alasan wujudnya *maslahah* untuk peningkatan sumber kewangan negara dan meraikan masyarakat bukan Islam. Kerajaan juga tidak boleh membuat polisi yang menyamakan hak lelaki dengan wanita dalam soal perwarisan, nikah kahwin, cerai kerana melihat persaingan wanita dan lelaki semakin sengit, kerana kes-kes tersebut sememangnya telah diharamkan Syarak sebagai peraturan yang tidak boleh dipindah-pindah. Jika kerajaan berdegil untuk meneruskan amalan maksiat tersebut, maka ia dianggap sudah tersasar daripada landasan *Siyāsah Shar'iyyah* malah daripada syariat Islam sendiri kerana membawa rakyat menderhakai Allah (Taj, 1995 ; al-Hasari, 1988).

## KESIMPULAN

Kewujudan *maqasid* syariah sememangnya bersifat *qat'i* dalam pensyariatan setiap hukum Islam. Malah tindakan memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta turut diusahakan oleh semua ajaran dan ideologi manusia. Walau bagaimanapun, syariat Islam menunjukkan manhaj yang lebih jelas kepada manusia untuk mencapai *maqasid* tersebut melalui nas-nas syarak yang *qat'iyyat* (mutlak) dan *muhkamat* (tetap) yang mengandungi prinsip-prinsip yang bersifat asas dalam Islam. Berpandukan prinsip-prinsip tersebut, ia menjadi penanda aras untuk menentukan kesahihan ijтиhad dalam hukum-hukum baharu yang tiada nas khusus atau berpandukan nas-nas yang bersifat *zanniyyat* (spekulatif) dan *mutagayyirat* (tidak statik). Justeru, *siasah syar'iyyah* telah melaksanakan peranan penting dalam pencapaian *maqasid* syariah, menerusi dasar-dasar dan polisi kerajaan yang menjaga pelbagai kemaslahatan rakyat. Kerajaan Islam yang melaksanakan tugas *al-amr bi al-makruf wa al-nahi 'an al-munkar* (menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkar) adalah seumpama bayangan syariat Islam yang redup memayungi manusia daripada kezaliman sistem pemerintahan yang bermatlamatkan hawa nafsu.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Abu Zahrah, Muhammad. (t.t). *Usul al-Fiqh*. Kaherah : Dar al-Fikr al-Arabi.

Al-Alim, Yusuf Hamid (1993). *Al-Maqasid al-'Ammah Li al-Syariah al-Islamiyyah*. Maghribi : Dar al-Aman.

Al-Ayid, Ahmad, Ahmad Mukhtar Umar, al-Jilani Yahya, Dawud Abduh, Salih Jawwad & Nadim Mar'isyli. (t.t). *Al-Mu'jam al-Asāsī*. Larus.t.tp.

Al-Durayni, Fathi. (1986) *Khasais al-Tashri' al-Islami Fi al-Hukm wa al-Siyasah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Al-Fayruzabadi. (1995). *Al-Qamus al-Muhit*. Yusuf Muhammad al-Baqa'iy (tahqiq). Beirut : Dar al-Fikr.

Al-Fayyumi, Ahmad ibn Muhammad. (1994). *Al-Misbah al-Munir*. Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

Al-Ghazali, Muhammad. (1993). *al-Mustasfa*. Muhammad Abd. Al-Salam (tahqiq). Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Hasari, Ahmad. (1988). *Al-Dawlah wa Siyasat al-Hukm fi al-Fiqh al-Islami*. Kaherah : Maktabah al-Kulliyyāt al-Azhariyyah.

Alias Othman. (1993). *Konsep Legaliti dan Legitimasi Menurut Perspektif Politik Moden dan Islam*, *Jurnal Syariah* Jil. 1 Bil. 2.

Al-Juwayni, Abd al-Malik ibn Abd Allah (1978). *Al-Burhan fi Usul al-Fiqh* (edisi ke 1). Abd al-Aziz al-Diyb (tahqiq). Qatar : Matabi' al-Dawhah al-Hadithah.

Al-Juwayni, Abd al-Malik ibn Abd Allah (1979). *Ghiyath al-Umam fi Iltiyath al-Zalam*. Mustafa Hilmi dan Fu'ad Abd al-Mun'im (tahqiq). Alexanderia : Dar al-Dawlah.

Al-Qaradhawi, Yusuf. (1990). *Madkhal Li Dirasat al-Syari'ah*. Kaherah : Maktabah Wahbah.

Al-Qarafi, Ahmad ibn Idris. (1998). *Anwar al-Buruq fi Anwa' al-Furuq*. Khalil al-Mansur (tashih), Beirut : Dar al-Kotob al-Ilmiyyah.

Al-Raysuni, Ahmad. (1992). *Nazariyyat al-Maqasid ind al-Imam al-Syatibi*, (Edisi ke 2). Riyadh : al-Dar al-Alamiyyah li al-Kitab al-Islami.

Al-Razi, Muhammad ibn Abi Bakr. (t.t) *Mukhtar al-Sihah*. Edisi ke-1. Al-Sikkah al-Jadidah : al-Matba'ah al-Kulliyyah.

- Al-Sallabi, Usamah Muhammad. (2002). *Al-Rukhas al-Syar'iyyah Ahkamuha wa Dawabituhu*. Alexandria : Dar al-Eman.
- Al-Syatibi, Ibrahim bin Musa. (t.t.). *Al-Muwafaqat Fi Usul al-Syariah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- Al-Tahir, Ahmad al-Zawi. (t.t.). *Tartib al-Qamus al-Muhit*. Beirut : t.tp.
- Al-Zarkasyi, Badr al-Din Muhammad ibn Bahadur. (1994). *Al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh* (Edisi ke 1). T.tp : Dar al-Kutbi.
- Al-Zubaydi, Muhammad ibn Muhammad. (t.t.). *Taj al-'Arus Min Jawahir al-Qamus*. Beirut : Dar Maktabah al-Hayat.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (1996). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Dimasyq : Dar al-Fikr.
- Badran, Abu al-'Aynayn Badran. (t.t.). *Al-Syariah al-Islamiyyah*. Iskandariyyah : Muassasah Syabab al-Jami'ah.
- Bahnasi, Ahmad Fathi. (1983). *Al-Siyasah al-Jina'iyyah Fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Beirut : Dar al-Shuruq.
- Fathi Uthman. (t.t.). *Al-Fikr al-Qanuni al-Islami*. Kaherah : Maktabah Wahbah.
- Ibn Asyur. Muhammad al-Tahir. (1999). *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Muhammad al-Tahir al-Maysawi (tahqiq). Kuala Lumpur : Fajar Ulung Sdn. Bhd.
- Ibn Abd al-Salam, Izz al-Din Abd al-Aziz. (1990). *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. Beirut : Mu'asasah al-Rayyan.
- Ibn Abidin, Muhammad Amin ibn Umar. (1979). *Rad al-Mukhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar*. Beirut : Dar al-Fikr.
- Ibn al-Qayyim, Muhammad Abu Bakr (1989). *Al-Turuq al-Hukmiyyah*, Bashir Muhammad Uyun (tahqiq). t.tp. Maktabah Dar al-Bayan
- Ibn al-Qayyim, Muhammad Abu Bakr (t.t.). *I'lam al-Muwaqqi'in 'An Rab al-Alamin*. Muhammad Muhy al-Din Abd al-Hamid(tahqiq). Beirut : Dār al-Fikr.
- Ibn Farhun, Burhan al-Din Abu al-Wafa Ibrahim. (1995). *Tabsirat al-Hukkam fi Usul al-Aqdiyah Wa Manahij al-Ahkam*. Jamal Mur'ishli (tahqiq). Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Ibn Khaldun, Abd. al-Rahman. (1993). *Muqaddimah*. Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Manzur, Muhammad ibn Mukarram. (1993). *Lisan al-Arab*. (Edisi ke 4). Beirut : Dar Sadir.

Ibrahim Mustafa, Ahmad al-Ziyat, Hamid Abd al-Qadir & Muhammad al-Najjar (t.t). *Al-Mu'jam al-Wasit*. Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah. T.tp : Dar al-Da'wah.

Jaser Auda (2014). *Memahami Maqasid Syariah*. Marwan Bukhari A. Hamid (Terj). Selangor : PTS.

Khallafl, Abd. Al-Wahhab (1988). *Al-Siyasah al-Syar'iyyah*, Kuwait : Dar al-Qalam.

Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1994). Siasah Syar'iyyah dalam Pemerintahan Negara, *Jurnal Syariah* Jil.1 Bil. 2, Julai 1994.

Mohd Hapiz Mahaiyadin. (2001). *Kepimpinan Orang Bukan Islam dalam Negara Islam Menurut Perspektif Siasah Syar'iyyah*. Disertasi (M.Syariah), Jabatan Siasah dan Syar'iyyah, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Nakhaie Hj. Ahmad. (1987). *Penghayatan Politik Islam Dalam Pemerintahan*. T.tp : Percetakan Sdn. Bhd.

Noresah Baharom et.al. (edit). (2013). *Kamus Dewan Edisi Baru*. Edisi ke-4. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shukeri Mohammad (1994). *Al-Siyasah al-Syar'iyyah wa Qawa'iduha Fi al-Iqab al-Ta'ziri*, Tesis M.A. al-Jamiah al-Urduniyyah.

Taj, Abd. Al-Rahman. (1995). *Al-Siyasah al-Syar'iyyah wa al-Fiqh al-Islami*, Ali Ahmad al-Khatib (edit), Jami'ah al-Azhar.

Uqlah, Muhammad. (1991). *Al-Islam Maqaqiduhu Wa Khasaisuhu*. Edisi ke-2. Amman : Maktabat al-Risalah al-Hadithah.

Utwah, Abd. al-Al Ahmad. (t.t.). *Al-Madkhal Ila al-Siyasah al-Syar'iyyah*. Arab Saudi : Jami'ah Imam al-Saud.

## NOTA HUJUNG

<sup>i</sup> *Daruriyyat* bermaksud segala *maslahah* yang menjadi teras kehidupan manusia daripada segi agama dan dunia. Pengabaiannya akan mengakibatkan kelestarian sistem kehidupan dunia akan tergendala dan kerosakan akan berlaku. Adapun kesannya di akhirat, manusia akan terlepas daripada kenikmatan abadi dan mendapat azab yang teruk. Rujukan lanjut dalam al-Zuhayli (1996), Usul al-Fiqh al-Islami.

<sup>ii</sup> *Hajiyyat* bermaksud segala *maslahah* yang diperlukan manusia demi kesejahteraan hidup yang tidak membebankan mereka. Pengabaiannya tidak melumpuhkan kehidupan manusia seperti *maslahah daruriyyat*, sebaliknya ia akan mengakibatkan kesempitan teruk terhadap kualiti hidup yang sejahtera.

<sup>iii</sup> *Tahsiniyyat* bermaksud *maslahah* tambahan yang diperlukan bagi menjadikan kehidupan dunia dan agama manusia lebih sempurna dan lebih harmoni. *Maslahah* kategori ini sering dikaitkan dengan kecantikan tatasusila (*mahasin al-'adah*) dan kemuliaan akhlak (*makarim al-akhlaq*).

<sup>iv</sup> Al-Israk : 2 ; al-Anbiyak : 108 ; al-Haj : 1.

<sup>v</sup> Proses pemilihan hukum yang lebih kuat.

<sup>vi</sup> Pada hari ini, jawatan khalifah sebagai kepimpinan tertinggi dalam negara Islam adalah bersamaan dengan YDPA Agong dan Perdana Menteri.

<sup>vii</sup> Al-Maidah 5 : 6 dan al-Haj 22 : 78.

<sup>viii</sup> Al Imran : 159 dan al-Syura : 38.

<sup>ix</sup> Al-Baqarah : 48, 123, 282 ; al-Nisa': 58 ; al-Maidah: 8 ; al-Nahl : 76 ; 90, al-Hujurat : 9.

<sup>x</sup> Al-Hujurat: 13.

<sup>xi</sup> Samada nas tersebut pada mulanya berasaskan sesuatu *illah*, sebab, *maslahah* ataupun uruf tertentu yang wujud pada waktu itu yang hanya berkuatkuasa bagi suatu tempoh yang terhad. Perubahan yang berlaku ke atas asas-asas nas tersebut juga turut mempengaruhi perubahan nilai hukum sebelum itu kepada sesuatu nilai hukum yang baru. Hal ini diakui oleh para ulama berdasarkan kaedah : “perubahan hukum akibat perubahan zaman” (تَغْيِيرُ الْأَحْکَامِ بِتَغْيِيرِ الْأَزْمَنَةِ). Maknanya sesuatu keperluan atau *maslahah* adalah berbeza daripada satu zaman dengan zaman yang lain dan sekiranya terjadi perubahan, ia pasti mengakibatkan secara tidak langsung perubahan kedudukan hukum tersebut.

<sup>xii</sup> Hal ini disebabkan hukum nas tersebut termasuk dalam perkara ijtihadiyyah, maka dalam konteks pemakaian *siyasah Syar'iyyah*, segala tindakan pemimpin adalah terikat sepenuhnya dengan kepentingan umum rakyat sebagaimana yang tersebut di dalam kaedah fekah yang berbunyi : “Tindakan imam adalah tertakluk kepada *maslahah*” (تصرف الامام منوط بالصالحة).

<sup>xiii</sup> Riba dijelaskan di dalam ayat 257,278 surah al-Baqarah dan 130 surah Al Imran.

<sup>xiv</sup> Pengharaman arak dan judi dalam ayat 90 surah al-Ma'idah.

<sup>xv</sup> Pengharaman zina dalam ayat 32, surah al-Isra'.